



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**SURAT PEKELILING
DEKAN
FAKULTI SENI LUKIS & SENI REKA**

Bilangan 01 Tahun 2013
(Galeri Seni Tuanku Nur Zahirah)

JAWATANKUASA PEMBANGUNAN KOLEKSI SENI LUKIS & SENI REKA

TUJUAN

1. Surat Pekeliling ini bertujuan memaklumkan peranan dan tanggungjawab Jawatankuasa Pembangunan Koleksi Seni Lukis & Seni Reka, Universiti Teknologi MARA.

LATAR BELAKANG

1. Semua staf dan pelajar Fakulti Seni Lukis & Seni Reka telah dimaklumkan mengenai pengagihan hasil karya pelajar menerusi surat bertarikh **17 Januari 2013, No. rujukan 100-FSSR-(PT.36/3)**.
2. Sehubungan itu, Jawatankuasa ini berperanan dan bertanggungjawab dalam mentadbir, mengurus karya-karya yang dipilih bagi tujuan pembangunan Koleksi Tetap, Koleksi Komersil, Koleksi Arkib, dan Koleksi Hadiah.

SENARIO SEBELUM PENGWUJUDAN JAWATANKUASA

1. Permasalahan timbul dalam isu mengumpul dan memperolehi karya seni visual bagi tujuan koleksi kerana tiada polisi, prosedur dan peraturan rasmi mengenainya.
2. Timbulnya konflik mengenai status karya, hak milik karya di antara pelbagai pihak khususnya staf dan pelajar Fakulti Seni Lukis & Seni Reka dan akhirnya mencetuskan aduan pelajar kepada Naib Canselor.

KEANGGOTAAN JAWATANKUASA

PENASIHAT

Dekan FSSR

PENGERUSI

Timbalan Dekan (Jaringan & Penyelidikan)

TIMBALAN PENGERUSI

Kurator

SETIAUSAHA (Koleksti Tetap, Hadiah dan Komersil)

Penolong Kurator

SETIAUSAHA (Koleksi Arkib)

Penolong Grafik

AHLI- AHLI (Penilaian Karya Seni)

Koordinator-Koordinator Program

AUDIT INVENTORI

Penolong Bendahari

Unit Kewangan Zon 12

TUGAS JAWATANKUASA

1. Mengemukakan cadangan polisi koleksi seni visual bagi tujuan kelulusan Jawatankuasa Eksekutif Universiti Teknologi MARA (JKE UiTM).
2. Menerbitkan laporan rasmi inventori dan mempamerkan kod tanda inventori di setiap karya yang terpilih bagi tujuan koleksi pada setiap penghujung tahun berkenaan.
3. Menyediakan repositori yang bersesuaian bagi tujuan pengumpulan konservasi, penyelidikan dan pameran.
4. Mewujudkan sistem bersepadu bagi yang mengurus dan menyelenggara inventori.

TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA

1. Menjalankan aktiviti penilaian bagi tujuan perolehan koleksi.
2. Mempertimbangkan cadangan pelupusan berdasarkan kepada laporan kondisi.
3. Meluluskan pergerakan keluar dan masuk koleksi dari repositori.
4. Mempertimbangkan permohonan pinjaman koleksi
5. Menjalankan siasatan berhubung penyelewengan, kerosakan atau kehilangan koleksi.
6. Menjalankan aktiviti audit inventori koleksi.

TARIKH DIKELUARKAN

1. Surat Pekeliling ini dikeluarkan pada **29 JANUARI 2013**.

TARIKH KUATKUASA

1. Surat Pekeliling ini berkuatkuasa serta merta.

PEMAKAIAN

1. Surat Pekeliling ini adalah terpakai kepada semua staf dan pelajar Fakulti Seni Lukis & Seni Reka.



PROF. DR. HAJI MUSTAFFA HALABI HAJI AZAHARI
Dekan

Diedarkan kepada :

*Semua Staf
Semua Pelajar*


Bil Fail : 100-GESTURZ-(PT.6/1) Bil. 1/2013.

Catitan :

- *Sesuatu karya/produk yang telah dinilai dan dipersetujui perolehannya adalah menjadi HAK MILIK UiTM.*
- *Akta 173 (Akta Universiti Teknologi MARA 1976) boleh dirujuk sekiranya berlaku pelanggaran salah guna kuasa.*
- *Akta 173 (Akta Universiti Teknologi MARA 1976) boleh diguna sebagai instrumen rujukan dalam menyelesaikan masalah yang timbul dalam pengurusan perolehan karya seni visual koleksi UiTM.*
- *Akta 173 (Akta Universiti Teknologi MARA 1976) boleh dirujuk bagi mewujudkan pentadbiran yang adil.*
- *Akta Badan – Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605] boleh dirujuk bersama bagi ketiga-tiga perkara yang disebut di atas.*
- *Sila rujuk bersama arahan maklumat pengagihan karya (Ruj. 100-FSSR-(PT.36/3) bertarikh 17 Januari 2013 oleh Dekan FSSR.*

Jadual Lampiran :

- *Surat pemakluman dari Dekan FSSR (Ruj. 100-FSSR-(PT.36/3) bertarikh 17 Januari 2013*
- *Borang Penilaian Kriteria Bagi Tujuan Pemilihan Karya*



BORANG | PENILAIAN KRITERIA BAGI TUJUAN PEMILIHAN KARYA / PRODUK SENI VISUAL UNTUK KOLEKSI TETAP DAN KOLEKSI KOMERSIL UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

600.
921

RUJUKAN REKOD FAIL | 600-GESTURZ-(PT.9/2/1), 600-GESTURZ-(PT.9/3/1)

600.
931

PANDUAN PENILAIAN |

- Pegawai Penilai dikehendaki membuat tanda BULATAN **O** mengikut wajaran nilai yang diberikan.
- Pegawai Penilai diingatkan untuk mengutamakan profesionalisme, integriti dan akauntabiliti semasa penilaian dilakukan.
- Kriteria yang ditetapkan adalah sebagai panduan dalam melaksanakan polisi koleksi.
- Kuantiti bukanlah fokus utama, tetapi kewajaran kriteria menjadi keutamaan dalam penilaian ini.

BIL	LOKASI SEMASA (sertakan pelan lokasi jika perlu)	GAMBAR KARYA/PRODUK (sertakan no. rujukan imej kamera)	DESKRIPSI KARYA/PRODUK
	Bangunan :	No. rujukan imej kamera :	Tajuk :
	Aras :		Artis / Pereka :
	Lorong :	Tarikh imej :	Tahun :
	Bilik :		Saiz :
		No siri kamera :	Media :
			No.Rujukan Sementara :
BIL	LOKASI SEMASA (sertakan pelan lokasi jika perlu)	GAMBAR KARYA/PRODUK (sertakan no. rujukan imej kamera)	DESKRIPSI KARYA/PRODUK
	Bangunan :	No. rujukan imej kamera :	Tajuk :
	Aras :		Artis / Pereka :
	Lorong :	Tarikh imej :	Tahun :
	Bilik :		Saiz :
		No siri kamera :	Media :
			No.Rujukan Sementara :

MAKLUMAT PENKARYA

NAMA			
NO. PELAJAR		NO. MYKAD	
PROGRAM		NO.H/P	
E-MAIL		ALAMAT FACEBOOK	

Pengkarya bersetuju maklumat di atas adalah benar | SETUJU / TIDAK.

Jurnal Karya / Produk disertakan | YA / TIDAK

Direkod oleh |

Pengkarya |

CD Karya / Produk bagi Koleksi Arkib disertakan | YA / TIDAK

Tarikh |

Tarikh |

Maklumat di atas adalah lengkap | YA / TIDAK

BORANG | PENILAIAN KRITERIA BAGI TUJUAN PEMILIHAN KARYA / PRODUK SENI VISUAL UNTUK KOLEKSI TETAP DAN KOLEKSI KOMERSIL UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

600.
921

600.
931

RUJUKAN REKOD FAIL | 600-GESTURZ-(PT.9/2/1), 600-GESTURZ-(PT.9/3/1)

PANDUAN PENILAIAN |

- Pegawai Penilai dikehendaki membuat tanda BULATAN **O** mengikut wajaran nilai yang diberikan.
- Pegawai Penilai diingatkan untuk mengutamakan profesionalisme, intergriti dan akauntabiliti semasa penilaian dilakukan.
- Kriteria yang ditetapkan adalah sebagai panduan dalam melaksanakan polisi koleksi.
- Kuantiti bukanlah fokus utama, tetapi kewajaran kriteria menjadi keutamaan dalam penilaian ini.

KRITERIA 1	ASPEK KUALITI	1.	Adakah kualiti fizikal karya /produk mencapai tahap yang memuaskan ?	YA	TIDAK
		2.	Adakah kualiti pertukangan karya/produk ini menunjukkan ciri-ciri kemahiran profesional, dan penguasaan pengetahuan ke atas bahan ?	YA	TIDAK
		3.	Adakah karya / produk ini menunjukkan kualiti kecemerlangan dari sudut keaslian idea dan kreativiti?	YA	TIDAK

KRITERIA 2	NILAI KOMERSIL	1.	Adakah penampilan karya ini menarik?	YA	TIDAK
		2.	Adakah karya ini relevan untuk diterima oleh masyarakat?	YA	TIDAK
		3.	Mampu menjana pendapatan fakulti ?	YA	TIDAK

KRITERIA 3	NILAI PENDIDIKAN & WARISAN	1.	Adakah karya/ produk ini menyampaikan maklumat serta mendidik orang ramai?	YA	TIDAK
		2.	Adakah karya/produk ini menampilkan ciri-ciri estetika sejarah, kebudayaan dan warisan?	YA	TIDAK
		3.	Adakah karya /produk ini boleh membangkitkan perbincangan mengenai isu sosial yang relevan?	YA	TIDAK

KRITERIA 4	ASPEK KESESUAIAN	1.	Adakah karya ini bersesuaian dengan penerimaan oleh pelbagai golongan dan lapisan masyarakat tanpa menyentuh sensitiviti sesetengah golongan dengan cara yang tidak wajar?	YA	TIDAK
		2.	Adakah karya ini boleh menaikkan reputasi atau melonjak kecemerlangan UiTM?	YA	TIDAK
		3.	Adakah karya ini boleh membangkitkan perbincangan mengenai isu sosial yang relevan?	YA	TIDAK

KRITERIA 5	IMPLIKASI KOS	1.	Adakah karya ini akan melibatkan kos yang tinggi bagi penjagaan dan peragaannya?	YA	TIDAK
-------------------	----------------------	----	--	----	-------

KRITERIA 6	ASPEK PRAKTIKAL	1.	Adakah karya ini selamat dan tidak mengancam keselamatan persekitaran penyimpanan atau ruang pameran?	YA	TIDAK
		2.	Adakah keadaan fizikal karya ini praktikal bagi tujuan pameran dan tidak melibatkan penyelenggaraan teknikal yang rumit?	YA	TIDAK

KRITERIA 7	POTENSI ARTIS/PEREKA	1.	Adakah pengkarya ini mempunyai potensi untuk pergi lebih jauh dalam bidang Seni Lukis & Seni Reka ?	YA	TIDAK
-------------------	-----------------------------	----	---	----	-------

7 Kriteria telah dinilai ? YA / TIDAK	Dipersetujui sebagai KOLEKSI TETAP / ARKIB / KOMERSIL	Telah diaudit dengan teliti YA / TIDAK Tarikh
---	--	--

Dinilai oleh Tarikh	Dipersetujui oleh Tarikh	Diaudit oleh Tarikh
--------------------------	-------------------------------	--------------------------



Tarikh : 17 Januari 2013
Surat Kami : 100-FSSR(PT. 36/3)

Semua Pelajar

Fakulti Seni Lukis & Seni Reka
UiTM Shah Alam

Saudara/saudari

MAKLUMAN PENGAGIHAN HASIL KARYA PELAJAR FAKULTI SENI LUKIS & SENI REKA UiTM SHAH ALAM

Perkara di atas dengan segala hormatnya dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan Mesyuarat Pengurusan Fakulti pada 17 Januari 2013 telah membuat keputusan iaitu pembahagian hasil karya pelajar Fakulti Seni Lukis & Seni Reka adalah seperti berikut :

PERKARA	PENGAGIHAN HAK MILIK	
Hasil Karya Pelajar	60 % Pelajar	40 % Fakulti

3. Ini berdasarkan kepada penggunaan bahan mentah, mesin, penyeliaan pensyarah, prasarana dan kelengkapan pelajar yang telah disumbangkan oleh UiTM dalam usaha melahirkan pelajar berketerampilan. Justeru itu, perkara ini juga mengambil kira dari segi kos perbelanjaan oleh pelajar dalam menghasilkan karya.

4. Sehubungan itu, perlu diingatkan bahawa pensyarah tidak **DIBENARKAN** mengambil dan membawa keluar karya-karya pelajar tanpa kebenaran fakulti. Arahan ini berkuatkuasa **SERTA MERTA**.

Segala kerjasama dan perhatian daripada semua pelajar amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

Yang benar

PROF. DR. H.J. MUSTAFFA HALABI HJ. AZAHARI
Dekan

sk.: Penasihat Undang-undang, UiTM
Timbalan Dekan (Akademik)
Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar)
Timbalan Dekan (Penyelidikan, Jaringan Industri & Alumni)
Timbalan Pendaftar

Timbalan Dekan (Akademik)
03-5544 4008
Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar)
03-5544 4002
Timbalan Dekan (Penyelidikan, Jaringan Industri Masyarakat & Alumni)
03-5521 1471
Timbalan Pendaftar 03-5544 4003

Pentadbiran HEA
Penolong Pendaftar
03-5544 4006/1725
Pentadbiran HEP
Pegawai Eksekutif
03-5544 4091
Pusat Pengajian Seni Reka Tekstil & Fesyen
Ketua Pusat Pengajian
03-5544 4062
Kordinator (Seni Reka Tekstil & Fesyen) 03-5544 4058

Pusat Percetakan
Ketua 03-5544 4045
Galeri Seni Tuanku Nur Zahirah
Kurator
03-5521 1401/1402/1403/1406/1729
Pusat Daya Cipta
Kordinator 03-5544 4051
Unit Fasiliti & Pembangunan
Ketua 03-5521 1722
Unit InfoTech
Kordinator 03-5544 1475

Pusat Pengajian Pasca Siswazah
Ketua Pusat Pengajian
03-5544 4098
Kordinator (Kerja Kursus)
03-5544 4092
Kordinator (Penyelidikan)
03-5544 4092
Pusat Pengajian Seni Halus & Pengajian Budaya Visual
Ketua Pusat Pengajian 03-5544 4063
Kordinator (Seni Halus)
03-5544 4056

Pusat Pengajian Inovasi
Rekabentuk & Produk
Ketua Pusat Pengajian
03-5544 4051
Kordinator (Seni Reka Perindustrian)
03-5544 4095
Kordinator (Seni Reka Logam Halus & Seramik Perindustrian)
03-5544 4101
Program Usahasama
Kordinator Usahasama
03-5544 4099

Pusat Pengajian Komunikasi
Visual & Media Cetak
Ketua Pusat Pengajian
03-5544 4060
Kordinator (Seni Reka Grafik)
03-5544 4059
Kordinator (Fotografi & Pengimejan Kreatif)
03-5544 4069
Kordinator (Teknologi Percetakan)
03-5544 4097